# PENUNJUK EKONOMI MALAYSIA
# INDEKS PELOPOR, SERENTAK & SUSULAN, JUN 2023

## INDEKS PELOPOR MENCATATKAN 109.8 MATA PADA JUN 2023, MENJANGKAKAN PRESTASI EKONOMI YANG MENYEDERHANA PADA SUKU KEEMPAT 2023

### Indeks Komposit Pelopor (2015 = 100) dan Perubahan Tahunan (%)

**-1.2%**
Mac. 2023: 110.2 mata
Mac. 2022: 111.5 mata
Mac 2023

**-2.6%**
Apr. 2023: 108.5 mata
Apr. 2022: 111.4 mata
April 2023

**-1.1%**
Mei. 2023: 110.3 mata
Mei. 2022: 111.5 mata
Mei 2023

**-2.1%**
Jun. 2023: 109.8 mata
Jun. 2022: 112.1 mata
Jun 2023

Nota: Ramalan hala tuju ekonomi oleh Indeks Komposit Pelopor secara purata bagi 4 hingga 6 bulan ke hadapan

**-0.5%** Jun

1.7% Mei

### Indeks Komposit Pelopor, Perubahan Bulanan (%)

Sumbangan Setiap Komponen terhadap Perubahan Peratusan Indeks Komposit Pelopor Daripada Bulan Sebelumnya

1. Indeks Pelopor memberi isyarat ekonomi yang mencabar dalam tempoh terdekat dengan mencatatkan 109.8 mata pada Jun 2023

Note: Jun 2023 | Mei 2023

| Komponen | Jun 2023 | Mei 2023 |
|---|---|---|
| Penawaran Wang Benar, M1 | 0.4% | -0.1% |
| Indeks Perusahaan Bursa Malaysia | -0.3% | 0.2% |
| Import Benar Semi Konduktor | -0.4% | 0.2% |
| Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus Lain | -0.1% | 0.7% |
| Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan | -0.5% | 0.7% |
| Jangkaan Nilai Jualan, Pembuatan | 0.4% | -0.7% |
| Bilangan Syarikat Baru Didaftar | -0.02% | 0.7% |

## Data Siri Masa

Indeks Komposit Pelopor (Arah Aliran Jangka Panjang = 100) dan Kitaran Perniagaan (Kawasan Berlorek Kelabu), Januari 1991 hingga Jun 2023



# *Indeks Pelopor mencatatkan 109.8 mata pada Jun 2023, menjangkakan prestasi ekonomi yang menyederhana pada suku keempat 2023*

- Indeks Pelopor (IP) menyusut 2.1 peratus pada Jun 2023 dengan mencatatkan 109.8 mata berbanding 112.1 mata pada tahun sebelumnya.

- Penurunan dalam Import Benar Logam Asas Berharga & Logam Bukan Ferus lain (-32.1%) dan Import Benar Semi Konduktor (-19.5%) menyumbang kepada prestasi yang perlahan.

- Namun begitu, peningkatan dicatatkan oleh Bilangan Unit Kediaman yang Diluluskan Pembinaan (68.2%), Indeks Perusahaan Bursa Malaysia (7.0%) dan Bilangan Syarikat Baru Didaftar (1.2%).

- Pada masa yang sama, perubahan bulanan IP menurun 0.5 peratus pada bulan rujukan berbanding 1.7 peratus pada Mei 2023.

- Penurunan IP disokong oleh sumbangan negatif lima (5) daripada tujuh (7) komponen terutamanya Bilangan Unit Perumahan Diluluskan (-0.5%) dan Import Benar Semi Konduktor (-0.4%).

- Melihat kepada arah aliran jangka panjang terlicin pada Jun 2023, IP kekal di bawah trend 100.0 mata. Ini menunjukkan bahawa prospek ekonomi jangka pendek Malaysia berkemungkinan menyederhana, namun menjangkakan bahawa langkah-langkah dasar ekonomi akan mengimbangi cabaran dalam ekonomi.